

Dulu Daif Kini Cemerlang

Oleh MOHD. ZAAIN MD. ZIN

utusanarawak@utusan.com.my



Projek Akuakultur Telaga Air PNK Satang Biru kini sudah mencapai status cemerlang. - utusan/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

KUCHING 14 Sept. - Sejak ditubuhkan pada 1999, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Satang Biru yang berpusat di Kampung Telaga Air di sini, pernah gagal membina reputasi ekoran ketiadaan projek teras untuk dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup ahlinya.

Gara-gara prestasi yang kurang memberangsangkan itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri menyenaraikan PNK Satang Biru dalam kategori 'daif'.

Kategori tersebut, jika diterjemah dalam bahasa mudah bermakna persatuan itu mungkin gulung tikar sekiranya tiada sebarang usaha bersepadu dilakukan untuk mengaktifkannya.

Sembilan tahun mengharungi zaman gelap, PNK Satang Biru menemui sinar cahaya apabila LKIM memberi kepercayaan kepadanya untuk mengoperasikan Projek Akuakultur Telaga Air yang terbengkalai pada 2008.

Enggan menoleh ke belakang lagi, jawatankuasa tertinggi persatuan bertungkus-lumus bersama ahlinya untuk bangkit dan memanfaatkan segala peluang yang terbentang di depan mata bagi memajukan projek tersebut, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

Ibarat pepatah Melayu, jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya, warga PNK Satang Biru kini sudah mampu tersenyum apabila usaha gigih mereka mula membuahkan hasil.

Status 'daif' yang pernah membayangi persatuan itu sejak sekian lama mula terpadam.

Lebih manis lagi ialah apabila PNK Satang Biru kini tersenarai dalam kategori maju dengan pendapatan mencecah hampir tujuh angka setahun.

Pengurus Besarnya, Matali Bujang berkata, ketika mula-mula didaftarkan, PNK Satang Biru hanya mempunyai keahlian 113 orang dengan nilai saham cuma RM860.

Jumlah itu, katanya, kekal tidak berubah kerana tidak mendapat sambutan sehinggalah persatuan itu terlibat secara aktif dalam projek akuakultur berkenaan.

"Jumlah nelayan yang mendaftar sebagai ahli mula kini sudah bertambah secara mendadak dan sehingga Jun tahun ini, ia mencecah 526 orang, iaitu 365 peratus penambahan dengan nilai saham lebih RM129,050," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini, baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai projek yang diusahakan pihaknya, Matali berkata, ia pada mulanya dikendalikan sendiri oleh LKIM sejak 1998 sebelum dihentikan pada 2005 kerana pelaksanaan dasar penswastaan oleh agensi kerajaan tersebut.

"Sejak dihentikan, ia terbiar selama dua tahun kerana tidak ada syarikat swasta yang sesuai dan layak sedangkan projek ini didaftarkan oleh LKIM sebagai Projek Berimpak Besar (HIP), lebih-lebih lagi ia termasuk dalam Zon Industri Akuakultur (ZIA) Telaga Air.

"Syukurlah LKIM menaruh kepercayaan kepada PNK Satang Biru untuk mengoperasikan semula projek ini, malah, semua kakitangan yang bertugas di situ dikekalkan untuk membantu kami," katanya.

Projek Akuakultur Telaga Air melibatkan kawasan seluas 167 hektar.

Ia terdiri daripada program penternakan udang putih atau nama saintifiknya *penaeus vannamei* di kawasan seluas 65 hektar, program penetasan benih udang tersebut dan ikan (dua hektar) serta tanah kosong seluas 100 hektar yang bakal dibangunkan menjadi Taman Akuakultur.

Memandangkan PNK Satang Biru ketika itu merupakan sebuah persatuan yang berstatus daif dan tidak mempunyai modal yang besar, LKIM turut bersetuju memberi peruntukan RM150,000 sebagai modal permulaan.

Bagi memastikan produk udangnya mempunyai pasaran yang stabil, PNK Satang Biru turut menjalinkan kerjasama dengan sebuah syarikat swasta, Sea Horse Corporation Sdn. Bhd. yang terkenal sebagai salah satu pengeluar dan pengeksport udang putih terbesar di negara ini.

Kerjasama yang bersifat menang-menang itu ternyata membuahkan hasil apabila PNK Satang Biru berjaya meningkatkan pengeluaran udang sehingga 780 juta tan metrik pada tahun lalu berbanding hanya 104 juta tan metrik pada 2008.

Di samping itu, program pembenihan udang juga amat memberangsangkan apabila mereka berjaya mengeluarkan lebih 24.2 juta benih udang dan 131,000 benih ikan setahun.

Pasaran produk mereka juga bukan calang-calang kerana selain diedarkan ke seluruh negara, udang ternakan PNK Satang Biru turut berjaya menembusi pasaran luar negara seperti China dan Taiwan selain dalam proses mendapatkan sijil perakuan untuk dibawa masuk ke negara-negara Eropah.

Sementara itu, Pengerusi PNK Satang Biru, Bohari Ganti berkata, pendapatan persatuan itu meningkat berlipat kali ganda sejak mereka terlibat secara langsung dengan projek tersebut.

"Prestasi kewangan persatuan ketika mula menternak udang adalah sekitar RM102,478 manakala pada tahun lalu, kita berjaya mencatat urus niaga bernilai RM867,772," katanya.

Kejayaan PNK Satang Biru itu, jelas Bohari membolehkan mereka mendapat kepercayaan LKIM untuk mengembangkan Projek Akuakultur Telaga Air Fasa II yang menelan kos RM6.1 juta.

"Projek ini bakal menggabungkan hampir semua PNK di seluruh negeri dengan PNK Satang Biru bertindak sebagai peneraju.

"Selain itu, kita juga akan menyewa sebuah gudang untuk diubah suai menjadi kilang memproses udang dengan para pekerja kelak terdiri daripada isteri dan ahli keluarga nelayan persatuan ini," katanya.

SUMBER :

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0915&pub=utusan_malaysia&sec=Sabah%26_Sarawak&pg=wb_04.htm&arc=hive